

IMPLIMENTASI MUWA'ADAH DALAM URUSNIAGA EMAS FIZIKAL SECARA EASY PAYMENT PURCHASE (EPP)

Dr. Muhamad Zuhaili Saiman

Pensyarah Kanan,

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Malaysia (UiTM), 40450
Shah Alam, Selangor, Malaysia

Tel : +60167200697 E-Mail : mdzuhaili@uitm.edu.my

Abstrak

Urusniaga yang melibatkan item *ribawi* mempunyai parameter yang khusus berbanding item bukan *ribawi* bagi mengelakkan wujudnya unsur riba ekoran berlakunya pertambahan dan penangguhan. Emas fizikal sekarang banyak diniagakan sama ada oleh syarikat emas seperti Public Gold, Kelantan Gold Trade dan yang terbaru iaitu KAB Gold. Selain itu, ia turut diniagakan oleh institusi perbankan seperti Maybank, UOB Bank, Kuwait Finance House (KFH) dan ar-Rajhi Bank menerusi pembukaan akaun simpanan emas. Objektif kajian ini ialah untuk mengkaji implementasi *muwa'adah* dalam urusniaga yang melibatkan emas fizikal secara *Easy Payment Purchase* (EPP). Metodologi yang digunakan ialah reka bentuk kualitatif yang menggunakan pendekatan jenis kajian kepustakaan menerusi analisis data-data dari sumber primer dan sekunder. *Easy Payment Purchase* (EPP) yang dijalankan merupakan satu kaedah pembelian emas secara ansuran. Walaupun demikian ia adalah berbeza dengan pembelian emas secara bertangguh yang dilarang. Ini kerana dalam EPP akad jual beli belum lagi berlaku, namun hanya wujud persetujuan kedua belah pihak dalam konteks *muwa'adah*. Kesimpulannya, implimentasi *muwa'adah* dalam urusniaga emas fizikal adalah dibenarkan dan ia tidak boleh dijustifikasikan sebagai jualan bertangguh kerana dasar, konsep pelaksanaan dan kesan antara keduanya adalah berbeza di antara satu sama lain.

Kata kunci : item ribawi, emas fizikal, bertangguh, *muwa'adah* dan *Easy Payment Purchase* (EPP)

Pendahuluan

Terdapat pelbagai banyak tawaran dalam urusniaga emas oleh pihak peniaga emas sama ada kalangan syarikat emas atau institusi perbankan yang menjalankan perdagangan dan simpanan emas bagi menarik pelanggan mengurusniaga dengan emas. Urusniaga emas sama ada dari sudut perdagangan atau simpanan menarik perhatian masyarakat kerana emas adalah kalis inflasi yang tidak sama dengan wang kertas atau wang fiat yang terdedah dengan inflasi. Tawaran yang diberikan ialah bagi mempermudah pihak pelanggan dapat membeli dengan harga yang mampu milik sekalipun nilai emas adalah tinggi.

Beberapa bentuk tawaran yang giat dijalankan ialah antaranya sistem kunci harga (*lock price*), akaun simpanan emas dengan nilai yang rendah dan begitu juga pembayaran secara ansuran dalam konteks simpanan bersasar menerusi janji beli yang dipersetujui antara penjual (syarikat emas) dan pembeli. Kesemua ini merupakan tawaran yang menarik kerana pelanggan berkemampuan untuk memulakan urusniaga dan simpanan dengan kemampuan yang ada sekalipun belum mampu membeli emas seberat 1 gram sekalipun.

Emas yang sinonim kenaikan nilai saban tahun menjadi tarikan untuk membeli namun terbatas dari sudut kemampuan bagi sebahagian yang berminat. Ini kerana nilai emas pada masa kini tidak sama dengan tahun-tahun yang lepas. Kebanyakan emas yang ditawarkan ialah jenis 999 sekalipun masih ada tawaran ke atas emas jenis 916 namun nilainya lebih rendah berbanding emas jenis 999. Nilai emas jenis 999 pada tahun 2014 adalah sekitar RM 155 segram namun pada tahun 2021 nilainya telah meningkat kepada RM 247 – RM 250 segram. Malah pada awal tahun 2021 nilai emas pernah mencecah sehingga RM 300 segram walau seketika sebelum turun semula.

Hal ini menjadikan permintaan pembelian emas ada kerana tertarik dengan nilai emas yang dilihat kukuh dan meningkat setiap tahun, namun menjadi keterbatasan ialah kemampuan pelanggan. Maka terdapat beberapa tawaran dalam mempermudah pelanggan dengan had kemampuan pembelian menerusi nilai minima serta konsep simpanan bersasar dengan kefahaman istilah “bayaran ansuran”. Dalam artikel ini, pengkaji akan mengkaji implimentasi muwa’adah (dua janji bersilang antara dua pihak secara mengikat) dalam urusan emas fizikal bagi menilai kepatuhan syariah dalam urusan ini bagi mengelakkan unsur bertangguh yang dilarang oleh syariat ke atas urusan yang melibatkan item *ribawi*.

Garis Panduan Urusniaga Emas Menurut Perspektif Syariah

Para ulama bersepakat bahawa emas merupakan salah satu item *ribawi* yang disebutkan secara zahir di dalam hadith Rasulullah SAW selain perak, gandum, barli, tamar dan garam. Urusniaga yang melibatkan item ribawi mempunyai garis panduan khas yang dinyatakan sendiri oleh Rasulullah SAW agar mengelakkan berlaku riba sama ada riba bentuk pertambahan iaitu *riba al-fadl* dan juga berbentuk bertangguh iaitu *riba al-nasiah*.

Jika urusan emas melibatkan pertukaran yang sama ‘illah item *ribawi* dan sama jenisnya iaitu urusan emas dengan emas, maka urusan tersebut mestilah memelihara tiga garis panduan iaitu :

1. *Tamathul* atau sama pada sukatan, timbangan atau bilangan seperti menjual emas seberat 10 gram maka mesti ditukar dengan emas 10 gram juga.
2. *Taqabud* atau penyerahan kedua-dua barang tersebut di dalam satu majlis iaitu sebelum berpisah daripada majlis akad tersebut. Sekiranya berlaku penyerahan sebahagian barang maka sepakat ulama bahawa baki yang tidak berlaku serahan adalah terbatal. Adapun barang yang telah diserahkan di dalam majlis maka para ulama berbeza pandangan kepada dua pandangan iaitu majoriti ulama menyatakan sah pada sebahagian barangan yang telah diserahkan namun sebahagian lagi yang belum diserahkan adalah terbatal. Manakala pandangan kedua pula menyatakan terbatal seluruh akad. (Ibn Rush, t. th)
3. *Hulul* atau dalam keadaan tunai. Sebarang syarat yang menyebabkan berlakunya pertangguhan adalah tidak diterima. Syarat *khiyar* juga tidak diterima kerana *khiyar* membawa kepada penangguhan. (Ibn Qudamah 1997 & al-Kasani, 2010)

Tiga garis panduan yang dinyatakan di atas berhujah hadith Abu Sa’id al-Khudri yang meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda :

الدَّهَبُ لِلدَّهَبِ وَالْفِضَّةُ لِلْفِضَّةِ وَالْبُرُّ لِلْبُرِّ وَالشَّعِيرُ لِلشَّعِيرِ وَالْتَّمْرُ لِلتَّمْرِ وَالْمِلْحُ لِلْمِلْحِ مِثْلًا بِمِثْلِ يَدًا بِيَدٍ فَمَنْ زَادَ أَوْ
اسْتَزَادَ فَقَدْ أَرَى الْآحِدُ وَالْمُعْطَى فِيهِ سَوَاءٌ

(Pertukaran) Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, dan garam dengan garam, dalam keadaan sama

sekiranya secara bertempoh maka tidak boleh. - Abu Dawud, Sunan Abi Dawud. *kitab al-Buyu^c, bab fi al-Sarf*, no 3349.

Sekiranya pertukaran antara emas yang sifat elok dengan emas yang sifat kurang elok atau jongkong emas dengan emas yang telah dibentuk maka syaratnya tetap tiga iaitu sama (*tamathul*) pada timbangan atau nilai, penyerahan (*taqabud*) kedua-dua barang dalam satu majlis dan dalam keadaan tunai (*hulul*).

Justeru, sifat tidak menjejaskan keadaan zat emas tersebut kerana berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah dan Abu Sa^cid bahawa Rasulullah SAW menghantar seorang lelaki pergi ke Khaibar, kemudian lelaki tadi pulang dari Khaibar dan menunjukkan kepada Baginda SAW buah kurma yang elok, lalu Baginda SAW bersabda :

" أَكَلْتُ نَمْرَ خَيْبَرَ هَكَذَا ؟ " قَالَ : لَا وَآءِ - رَسُولِ الرَّسُولِ لَنَا خُذْ الصَّاعَ لِصَاعَيْنِ ، وَالصَّاعَيْنِ لثَلَاثَةِ مَقَالٍ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " فَلَا تَتَّعَلَّ بِعِ الْجَمْعِ لِلدَّرَاهِمِ ثُمَّ اشْتَرِ لِلدَّرَاهِمِ حَبِيْبًا

Adakah semua tamar di Khaibar seperti ini? Dia menjawab : Tidak. Tetapi kami menukar satu gantang tamar (yang elok) dengan dua gantang (yang kurang elok) dan dua gantang (yang elok) dengan tiga gantang (yang kurang elok). Rasulullah bersabda : Jangan lakukan sedemikian. Jual keseluruhannya dengan dirham kemudian beli tamar yang baik dengan wang tersebut. - al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, *kitab al-Wakalah, bab al-Wakalah fi al-Sarf wa al-Mizan*, no 2180.

Hadith di atas jelas menunjukkan bahawa perbezaan sifat pada barang *ribawi* yang sama jenis barang dan ^c*illah* tidak boleh dijadikan helah untuk mendapatkan pertambahan kerana pertambahan tersebut merupakan riba *fadl*.

Dalam satu hadith yang diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda :

الذَّهَبُ لِلذَّهَبِ تَبْرُهَا وَعَيْنُهَا وَالْفِضَّةُ لِلْفِضَّةِ تَبْرُهَا وَعَيْنُهَا

Emas dengan emas dalam keadaan ditempa atau zatnya (mata emas) dan begitu juga perak dengan perak dalam keadaan ditempa atau zatnya (mata perak). - al-Nasa'i, Sunan al-Nasa'i, *kitab al-Buyu^c, bab Bay^c al-Sha^cir bi al-sSa^cir*, no 4563. Abu Dawud, Sunan Abi Dawud, *kitab al-Buyu^c, bab al-Sarf*, no 3349.

Menurut riwayat yang lain pada lafaz yang berbeza, Baginda SAW bersabda :

جَبْدُهَا وَرَدِيئُهَا سَوَاءٌ

Sifat yang elok dan kurang elok sama sahaja. - al-Nasa'i, Sunan al-Nasa'i, *kitab al-Buyu^c, bab Bay^c al-Sha^cir bi al-sSa^cir*, no 4563. Abu Dawud, Sunan Abi Dawud, *kitab al-Buyu^c, bab al-Sarf*, no 3349.

Justeru, urusiaga emas yang melibatkan pertukaran dengan wang kertas di zaman kini, terpakai ke atas urusiaga ini sebagaimana garis panduan yang melibatkan item ribawi yang sama ^c*illah* dan jenisnya iaitu mesti *tamathul*, berlaku *taqabud* dalam satu majlis dan *hulul* iaitu secara tunai atau *lani*. Ini berdasarkan kepada keputusan dari *Majma^c Fiqh al-Islami al-Duwali* pada tahun 1988 resolusi no 48 bahawa wang kertas juga termasuk dalam konteks item *ribawi* meskipun tidak dibuat daripada emas dan perak (al-Zuhaily, 2002). Pandangan ini juga turut dinyatakan

oleh serta para sarjana Islam kontemporari antaranya Yusuf al-Qaradawi (2006) dan lain-lain lagi.

Menurut keputusan *Majma' al-Fiqh al-Islami* bahawa wang kertas mempunyai *illah* yang bersifat matawang (*thamaniyyah*). Oleh itu, hukum mengenainya tertakluk seperti hukum yang dikenakan ke atas emas dan perak iaitu berkaitan hukum riba, kewajipan zakat, jual beli secara *al-salam* dan lain-lain hukum yang melibatkan emas dan perak. Al-Masri (2001) menyatakan bahawa pandangan sedemikian adalah juga sebagaimana kefahaman dari keputusan yang dilakukan oleh *Umar al-Khattab* di zaman pemerintahannya. *Umar al-Khattab* bercadang untuk menjadikan kulit kerbau sebagai matawang, tetapi beliau membatalkan hasratnya kerana dikhuatiri akan berlaku pinjam-meminjam kerbau lalu ia akan membawa kepada riba. Ini bererti, *Umar* melihat apa sahaja yang dijadikan matawang walaupun selain emas dan perak, hukum riba masih tetap ada padanya. (Zaharuddin Abd Rahman, 2010)

Konsep *Muwa'adah* Dalam Kewangan Islam

Menurut Aznan Hasan (2008), konsep *muwa'adah* ialah dua janji yang diberi secara timbal balas (bilateral) oleh dua pihak, satu kepada yang lain, sama ada janji tersebut dibuat secara bersyarat atau tidak. Contoh gambaran *muwa'adah* secara bersyarat ialah Ahmad berjanji untuk menjual rumah kepada Abu pada waktu tertentu dan ekoran itu Abu juga memberikan janji untuk menjual kereta kepada Ahmad pada masa yang sama.

Manakala contoh gambaran *muwa'adah* secara bersyarat pula ialah Abu berjanji untuk menjual kereta kepada Ali sekiranya berlaku sesuatu keadaan A, dan masa yang sama Ali juga berjanji memberikan baju kemeja kepada Abu apabila sesuatu keadaan A tersebut berlaku. Beza antaranya keduanya ialah meletakkan syarat atau tidak, namun hakikatnya kedua-duanya telah terikat dengan janji balas yang diberikan antara satu sama lain atas janji masing-masing. (Abu Ghuddah 2006)

Kesan implimentasi *muwa'adah* dalam sesuatu urusaniaga adalah berbeza dengan *wa'd* dan *wa'dan*. *Wa'd* hanya janji sebelah pihak sahaja dan ia tidak mengikat terhadap pihak yang satu lagi. Manakala *wa'dan* pula ialah kedua-dua pihak memberikan janji atas masing-masing yang berbeza antara satu sama lain. Bermaksud sekalipun dalam konteks *wa'dan* berlaku dua janji dari dua pihak namun ia tidak terikat antara satu sama lain. Dua janji yang berlaku adalah berdasarkan dua syarat yang berbeza bukan pada satu syarat yang sama sebagaimana *muwa'adah*.

Jadual 1. Perbezaan kesan dari implimentasi *muwa'adah*, *wa'd* dan *wa'dan*

Kesan \ Jenis	<i>Muwa'adah</i>	<i>Wa'd</i>	<i>Wa'dan</i>
Satu janji	-	Ya	-
Dua janji	Ya	-	Ya
Satu syarat	Ya	Ya	-
Dua syarat	-	-	Ya
Mengikat antara dua pihak	Ya	-	-
Tidak mengikat dua pihak	-	Ya	Ya

Sumber : Pengkaji (2021)

Implimentasi *muwa'adah* tidak akan berlaku melainkan wujudnya persetujuan dua pihak terhadap sesuatu perkara. Tanpa persetujuan kedua-dua pihak sesuatu urusaniaga tersebut tidak akan terjadi. Berbeza dengan *wa'd* dan *wa'dan* yang boleh terjadi kerana tidak mengikat pihak

satu lain untuk berlakunya urusan niaga yang perlu dipersetujui, kerana hanya melibatkan satu pihak sahaja. Disebabkan itu, terdapat pandangan yang menyamakan *muwa'adah* dengan kontrak jual beli kerana wujud keterikatan antara dua pihak. Antaranya, Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam (Bank Negara Malaysia, 2010), *muwa'adah* iaitu janji yang mengikat kedua-dua belah pihak adalah tidak dibenarkan dalam pertukaran mata wang asing kerana menyerupai akad jual beli. Akademi Fiqh di Jeddah juga tidak mengharuskan berlakunya *muwa'adah* kerana ia menyerupai kontrak jual beli yang telah mengikat kedua-dua pihak yang terlibat dengan tanggungjawab sedangkan kontrak belum lagi dibuat. (Muhamad Zuhaili & Ahmad Dahlan, 2018)

Namun begitu, terdapat juga pandangan sarjana Islam yang mengharuskan *muwa'adah* kerana hakikatnya belum terjadi kontrak jual beli lagi. Taqiy Uthmani (2005) menyatakan bahawa menyamakan *muwa'adah* dengan kontrak jual beli adalah tidak tepat kerana terdapat perbezaan yang ketara antara keduanya :

1. Implimentasi *muwa'adah* tidak menjadikan kontrak jual beli terlaksana, ia hanya pada konteks kesefahaman dan persetujuan antara dua pihak sahaja sekalipun dalam keadaan mengikat.
2. Implimentasi *muwa'adah* tidak memberikan kesan untuk penyerahan barang kerana kontrak jual belum terlaksana. Maka tidak menjadi bebanan ke atas pembeli untuk membayar harga (*dayn fi al-dhimmah*). Berbeza dengan kontrak jual beli, maka berlaku penyerahan barang bagi maksud serahan hak milik, maka sekaligus memindahkan bebanan dan tanggungjawab ke atas pemilik yang baru iaitu pembeli bukan lagi penjual.
3. Dalam *muwa'adah*, tiada sebarang hutang yang terbentuk kerana belum terjadi kontrak dan tiada berlaku pemindahan hak milik. Adapun jika berlaku kemungkiran sebelah pihak, tuntutan ganti rugi boleh dilakukan atas kerugian atau kerosakan berdasarkan nilai yang diukur dan diiktiraf, bukannya bersifat tuntutan hutang.

Jadual 2. Perbezaan *muwa'adah* dan akad

Perbezaan	<i>Muwa'adah</i>	Kontrak (Akad)
Lafaz dan bentuk	Melibatkan perkara akan datang.	Mesti berlaku sekarang.
Pelaksanaan kontrak	Kontrak belum terlaksana, hanya sekadar persefahaman atau perjanjian yang mengikat. Kontrak yang sebenar akan berlaku kemudiannya pada tarikh yang telah dipersetujui dengan ijab dan qabul yang mesti berlaku.	Kontrak yang sebenar telah berlaku pada waktu akad dilakukan dengan lafaz ijab dan qabul.
Penyerahan barang	Tidak berlaku sebarang penyerahan barangan kerana kontrak masih belum terlaksana. Ia akan terlaksana	Berlaku penyerahan barangan sewaktu akad dilakukan.

	pada tarikh yang dipersetujui berdasarkan ijab dan qabul.	
Liabiliti	Tidak menjadi liabiliti kepada pembeli untuk membayar harga (<i>dayn fi al-dhimmah</i>).	Menjadi liabiliti kepada pembeli untuk membayar harga sekiranya harga masih lagi belum dibayar.
Implikasi	Tiada sebarang hutang terbentuk, kerana kontrak belum berlaku. Hal ini kerana barang jualan tidak berpindah pemilikannya kepada pembeli dan harga barangan tidak dianggap hutang.	Sekiranya pembeli masih belum membayar harga, maka hukum hakam berkenaan dengan hutang terlaksana terhadap hutang tersebut.
Perpindahan hak milik	Barang yang diniagakan belum lagi berpindah hak milik kepada pihak yang satu lagi.	Apabila akad telah berlaku, maka barang yang diniagakan telah bertukar hak milik.

Sumber : Azlin, Hailani, Shoffian & Mat Noor (2012)

Dalam konteks kemudahan dalam transaksi kewangan terutamanya yang melibatkan lindung nilai masa hadapan, konsep *muwa'adah* amat penting diimplimentasikan bagi memelihara maslahat kedua-dua belah pihak terhadap sesuatu perkara yang dipersetujui. Hanya pengkaji berpandangan agar justifikasi *muwa'adah* tersebut mestilah dipastikan ia hanya melibatkan perjanjian dua belah pihak bersama dan tidak menjadikan terbentuknya akad atau kontrak. Maka perlu jelas antara inti pati penting yang perlu diperhatikan dengan implimentasinya konsep ini maka hak antara penjual dan pembeli belum lagi berlaku pertukaran atau serahan milik. Hanya jika berlaku pembatalan, caj yang dikenakan adalah bersifat *ta'widh* (ganti rugi) berdasarkan ke atas kos kerugian yang sebenar dan perkiraan selayaknya yang dibenarkan atas kos perkhimatan yang telah berlaku secara pasti.

Dalam konteks kontemporari, konsep janji termasuklah konsep *muwa'adah* sangat penting dan hakikatnya amat diperlukan dalam lapangan kewangan Islam termasuklah perbankan Islam. Ini kerana supaya dapat berdaya saing dengan produk-produk pengeluaran dari kewangan dan perbankan konvensional. Sehubungan itu, dalam konteks transaksi urusanniaga emas yang tidak boleh bersifat bertanggung, maka konsep *muwa'adah* tidaklah membawa maksud pertanggunghan kerana belum lagi terbentuknya akad di antara dua pihak tersebut. Konsep *muwa'adah* hanya melibatkan janji bersama di mana pihak A melakukan sesuatu dan pihak B melakukan sesuatu dan apabila tiba masanya barulah akad jual beli berlaku. Justeru, akad jual beli berlaku pada masa yang disepakati dan serahan hak milik juga berlaku pada akad tersebut bukan pada janji bersama menerusi *muwa'adah*. (Fadziani & Ahmad Hidayat, 2019)

Analisis Transaksi Urusniaga Emas Fizikal Menerusi *Easy Payment Purchase* (EPP)

Easy Payment Purchase (EPP) merupakan satu kaedah pembelian emas secara fizikal secara bayaran ansuran yang ditawarkan oleh syarikat emas Public Gold. Bayaran ansuran ini boleh dilakukan sama ada sebanyak empat kali (EPP4) atau sebanyak 10 kali (EPP10) berdasarkan syarat pembelian yang dikenakan iaitu RM500 ke atas atau mengikut tawaran promosi yang diberikan oleh Public Gold dari semasa ke semasa. Kaedah pembelian secara EPP ini membantu pembeli untuk mendapatkan harga emas yang lebih murah dengan harga awal menerusi kunci

harga (*lock price*) pada hari bersetuju untuk membeli secara EPP dan tidak berubah harga sepanjang pembayaran ansuran ini dilakukan. (Public Gold, 2020)

Pembeli tidak akan mendapat terus emas fizikal yang menerusi kaedah EPP melainkan setelah menyempurnakan bayaran penuh berdasarkan nilai yang dipersetujui di awal perjanjian menerusi kaedah EPP ini. Jumlah yang melibatkan pembayaran EPP ialah total jumlah nilai emas semasa ditambah dengan caj gold premium (caj melibatkan penghasilan produk akhir emas fizikal) dan juga ditambah dengan caj premium khas berdasarkan berat emas jongkong yang ditempa. Pembeli boleh menyempurnakan bayaran penuh awal dan mendapatkan awal emas fizikal di cawangan Public Gold yang didaftarkan secara janji temu. Kelewatan pembayaran tidak dikenakan caj tambahan atau denda lewat. Bagi kes kelewatan bayaran, pihak Public Gold cawangan yang didaftarkan oleh pembeli akan menalifon bagi perbincangan sama ada untuk meneruskan perjanjian pembelian atau membatalkan perjanjian pembelian yang telah dibuat.

Bagi pembatalan perjanjian pembelian, dibenarkan oleh Public Gold. Namun pembatalan ini akan dikenakan caj sebanyak 5% dari keseluruhan harga yang telah dikunci harga pada awal persetujuan perjanjian. Baki setelah ditolak 5% tersebut akan dipulangkan kembali kepada pelanggan. Caj pembatalan tersebut bukan hanya dikenakan dalam kaedah EPP sahaja malah pada pembelian biasa yang melibatkan kunci harga, memandangkan perjanjian harga telah dibuat dan Public Gold cawangan telah melakukan proses pembelian dan tempaan dari pusat di Public Safe yang terletak di Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Berdasarkan kepada keterangan mengenai kaedah EPP dalam transaksi urusan emas fizikal di Public Gold, beberapa perkara yang terlibat iaitu :

1. Kunci harga (*lock price*) setelah persetujuan dilakukan. Harga jumlah emas yang dipersetujui untuk beli tidak akan berubah. Total harga melibatkan caj gold premium dan caj khas yang dimaklumi awal sebelum pihak pembeli bersetuju.
2. Kaedah EPP ini menggunakan konsep muwa'adah yang melibatkan perjanjian kedua-dua pihak iaitu pembeli atau pelanggan dan syarikat emas Public Gold cawangan yang berdaftar bagi tujuan pembelian ini. Masing-masing perlu menyempurnakan janji masing-masing. Pembeli perlu membuat bayaran sebanyak 4 kali atau 10 kali mengikut ketetapan persetujuan manakala pihak Public Gold cawangan pula melakukan proses tempaan emas dan mengunci harga sebagaimana di awal perjanjian dibuat.
3. Menerusi kaedah EPP ini, tiada lagi berlaku pertukaran serahan hak milik, selagi belum berlakunya penyempurnaan bayaran. Ini adalah selari dengan konsep muwa'adah yang hanya melibatkan janji dan belum terbentuknya akad.
4. Caj pembatalan yang dikenakan adalah bukan bermaksud mengikat dan membentuk akad, tetapi ia merupakan konsep ganti rugi ke atas kos perkhidmatan dan tempaan yang telah dibuat oleh Public Gold cawangan kepada HQ Public Gold dengan kewajaran perkiraan yang tidak melampaui dan bersesuaian dengan kiraan. Malah ia tidak hanya dikenakan dalam kaedah EPP tetapi dalam kaedah pembelian biasa yang melibatkan kunci harga.

Merujuk kepada kaedah EPP ini, pengkaji mendapati konsep *muwa'adah* telah diimplimentasikan. Dua perjanjian yang melibatkan dua pihak atas sesuatu perkara yang dipersetujui bersama bagi sama-sama mendapat maslahat bersama-sama. Malah, jelas menerusi sistem kaedah EPP ini belum lagi terbentuknya akad pembelian kerana tidak berlaku lagi pindah milik atau serahan hak milik emas di awal perjanjian. Ini asas yang membezakan antara janji dan akad sebagaimana yang dibincangkan pada awal kajian. Apabila belum terbentuk akad, maka

tidak timbul isu bertangguh dalam urusan emas yang tidak dibenarkan. Asas kepada pematuhan kaedah EPP ini mestilah memenuhi parameter tersebut :

1. Hanya bersifat perjanjian dua pihak bersama, bukannya terbentuknya akad dengan tidak berlaku lagi pindah milik atau serahan pemilikan.
2. Syarikat emas yang menawarkan kaedah seperti EPP ini mestilah dipastikan memiliki emas secara wujud untuk ditawarkan perjanjian bagi kunci harga kepada pembeli. Jika syarikat tidak memiliki emas, maka ia tidak dibolehkan kerana emas mestilah wujud zat fizikalnya, dan tidak memadai hanya dengan janji “angka” bagi nilai emas.

Penutup

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, pengkaji telah membawakan dapatan berkenaan dengan garis panduan yang melibatkan urusan transaksi emas fizikal yang perlu dipatuhi bagi mengelakkan wujudnya unsur riba yang dilarang oleh syarak. Wujud persoalan yang difokuskan dalam kaedah *Easy Payment Purchase* (EPP) yang dilakukan di syarikat Public Gold, adakah pembayaran angsuran sebanyak 4 kali atau 10 kali menyebabkan berlakunya isu bertangguh dalam urusan emas? Jelas, dalam proses pembelian menerusi kaedah EPP ini tidak wujud unsur bertangguh kerana kaedah ini menerapkan konsep “lock price” iaitu kunci harga serta implimentasi konsep *muwa’adah* iaitu dua janji yang diberi secara timbal balas (bilateral) oleh dua pihak.

Konsep *muwa’adah* yang diimplimentasikan dalam kaedah EPP jelas menepati kehendak perbincangan para sarjana yang membezakan janji dengan akad kerana sewaktu persetujuan pembelian menerusi kaedah EPP ini belum lagi berlaku serahan hak milik. Ini kerana janji tidak melibatkan serahan hak milik seperti akad. Dengan itu, tidak timbul unsur bertangguh kerana akad dibentuk setelah pembayaran penuh dilakukan bukannya sewaktu perjanjian dibuat.

Konsep *muwa’adah* yang diimplimentasikan memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak dan transaksi urusan emas yang dijalankan masih dalam kerangka pematuhan syariah. Ia juga boleh diimplimentasikan oleh mana-mana syarikat emas atau institusi bank yang menawarkan perdagangan emas namun perlu dipastikan kewujudan fizikal emas dimiliki oleh entiti penjual bagi memastikan urusan emas yang dijalankan sah. Ini ditunjukkan oleh syarikat Public Gold dengan wujudnya jaringan menerusi tempaan emas oleh cawangan Public Gold kepada pusat di Public Safe bagi menempah emas bagi menyempurnakan janji di pihak mereka di samping janji di pihak pembeli ialah bayaran berkala yang dijadualkan.

Rujukan

- Abu Ghuddah, Abd al-Sattar. 2006. *al-Muwata’ah ‘ala Ijra’ al-Uqud wa al-Muwa’adah al-Muta’addidah*. Kertas kerja yang dibentangkan pada Majma’ al-Fiqh al-Islami, Daurah ke-17, Amman, Jordan.
- Azlin Alisa Ahmad, Hailani Muji Tahir, Shoffian Ahmad & Mat Noor Mat Zain. (2012). *Kontrak Hadapan Mata Wang Asing Menurut Islam sebagai Mekanisme Lindung Nilai : Analisis Penggunaan Wa’d*. Jurnal Islamiyyat UKM siri 34 (2012) : 33 – 43.
- Aznan Hasan. 2008. *Pengertian al-Wa’d, al-Wa’dan dan al-Muwa’adah*. Kertas Kerja Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara. 27-28 Feb 2008.
- al-Baladhari, Abu ‘Abbas, Ahmad bin Yahya, T.th. *Futuh al-buldan*. Beirut: Mu’assasah al-Ma’arif. Hlm 406.
- Bank Negara Malaysia. 2010. *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Fadziani Yaakub dan Ahmad Hidayat Buang. 2019. *Cabaran Pengaplikasian Janji (Wa’d)*

- Dalam Kontrak Perbankan Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Jil. 27, Bil 2 (2019) 233-260.
- Ibn Qudamah, 1997. *al-Mughni*. Riyad : Dar °Alim al-Kutb.
- Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad, t.th. *al-Muqaddimat al-Mumhidat*. Beyrut : Dar al-Kutb al-°Ilmiyyah.
- al-Kasani, Abu Bakr, 2010. *al-Badai° al-Sanai°*. Beyrut: Dar al-Kutb al-°Ilmiyyah.
- Majma° al-Fiqh al-Islami al-Duwali, <http://www.fiqhacademy.org.sa/qararat/3-9.htm>.
- al-Mani°, °Abdullah Sulayman, http://adl.moj.gov.sa/topic_d_d.aspx?ID=57&IDd=1178
- al-Misri, Rafiq Yunus, 2001. *al-Jami° fi usul al-Riba*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Muhamad Zuhaili Saiman & Ahmad Dahlan Salleh. 2018. Hukum Pemakaian Kaedah “Lock Price” dalam Urusniaga Emas Fizikal. *UKM : Islamiyyat*. Vol 40, No 1. 2018 : 3-13.
- Muhammad Taqi al-Uthmani. T.th. Lihat:
<http://webcache.googleusercontent.com/search?q=cache:eP6vNXMqUcJ:www.kantakji.com/media/4625/c347.doc+الورقية+بالنقود+التعامل+حكم&cd=6&hl=en&ct=clnk&gl=my>
- Muslim, Abul Husain Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim al-Qusyairi an-Naisaburi. Sahih Muslim, kitab *al-Musaqah*, bab *al-Sarf wa Bay° al-Dzahab bi al-Waraq Naqdan*, no 1584
- Public Gold. 2020. Penjelasan EPP. Lihat :
https://web.facebook.com/PelaburaEmas999.9/posts/penjelasan-epp1-apa-itu-epepp-ialah-easy-payments-purchase-satu-kaedah-belian-e/932217407264986/?_rdc=1&_rdr
- al-Ramly, Shamsuddin Muhammad bin Abil °Abbas Ahmad, t.th. *Nihayah al-Muhtaj*. Beyrut: Dar al-Fikr.
- Taqiy Uthmani. 2005. *An Introduction to Islamic Finance*. New Delhi: Idara Isha°at-E-Diniyat (P) Ltd.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2006. *Fiqh al-Zakah*. Jilid 1 hlm 254. Al-Kaherah : Maktabah Wahbah.
- al-Zuhayli, Wahbah, 2002. *al-Mu°amalat al-Maliyyah al-Mu°asirah*. Damshiq : Dar al-Fikr.
- Zaharuddin Abd. Rahman, 2010. *Riba Dan Isu Kewangan Semasa*. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn Bhd. Hlm 70.